



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

MAJLIS PENYAMPAIAN PLAK TASKA BERDAFTAR

LOKASI / TARIKH / MASA

**DEWAN WISMA KEBAJIKAN,
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT SARAWAK
10 FEBRUARI 2025 (ISNIN)
10.00 PAGI**

Kemas kini 30 November 2024

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. **Alhamdulillah**, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama dalam **Majlis Penyampian Plak TASKA Berdaftar** pada hari ini.

2. Hari ini menandakan pencapaian penting dalam usaha memperkukuh sistem penjagaan awal kanak-kanak di Malaysia. Kementerian telah memperkenalkan Plak TASKA Berdaftar bagi memastikan ibu bapa mudah mengenal pasti TASKA yang sah dan mematuhi standard keselamatan serta kelayakan pengasuh yang ditetapkan.

KESELAMATAN DAN KUALITI TASKA

3. Kanak-kanak adalah aset negara, dan pendidikan serta penjagaan awal mereka haruslah berkualiti.

Dua perkara utama yang menjadi asas dalam sistem TASKA ialah:

- (i) **Keselamatan** – Persekitaran TASKA harus selamat dari segi struktur bangunan, kemudahan, dan pemantauan rapi oleh pihak berkuasa. TASKA perlu memiliki ruang yang direka khas untuk perkembangan kanak-kanak serta mematuhi prosedur keselamatan yang ketat.

- (ii) **Kelayakan Pengasuh** – Setiap pengasuh diwajibkan menghadiri dan lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA (KAP). Ini bertujuan memastikan mereka mempunyai ilmu dan kemahiran yang mencukupi untuk mendidik serta menjaga kanak-kanak dengan baik.

Setiap TASKA berdaftar mematuhi syarat ini, sekaligus memberi keyakinan kepada ibu bapa bahawa anak-anak mereka berada dalam jagaan yang selamat dan berkualiti.

INISIATIF PLAK TASKA BERDAFTAR

4. Sebanyak **3,198 TASKA** berdaftar akan menerima Plak TASKA Berdaftar, yang mesti dipamerkan di lokasi yang mudah dilihat. Ini membolehkan ibu bapa dan masyarakat mengenali TASKA yang berdaftar dengan lebih mudah.

5. Sehingga 31 Januari 2025, Sarawak mempunyai **142 TASKA berdaftar**, termasuk TASKA Institusi, TASKA Tempat Kerja, TASKA Komuniti, dan TASKA Di Rumah. Namun, masih terdapat **95 TASKA tidak berdaftar** di negeri ini. KPWKM terus berusaha memastikan semua TASKA beroperasi secara sah demi keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak.

6. Masyarakat juga digalakkan untuk membuat semakan di laman sesawang JKM di www.jkm.gov.my bagi memastikan status pendaftaran TASKA yang mereka pilih. Kesedaran ibu bapa dalam memilih TASKA berdaftar amat penting dalam usaha kita meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan pengasuhan di Malaysia.

PERANAN MASYARAKAT DAN PENGHARGAAN

7. Kejayaan inisiatif ini bukan hanya tanggungjawab kerajaan tetapi juga memerlukan sokongan padu daripada semua pihak, termasuk ibu bapa, pengusaha TASKA, serta masyarakat keseluruhannya. Kita semua memainkan peranan dalam memastikan sistem pengasuhan di negara ini sentiasa berkualiti dan selamat.

8. Saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua pengusaha TASKA yang telah berdaftar dan mematuhi standard yang ditetapkan. Anda semua adalah tonggak dalam membentuk persekitaran pengasuhan yang terbaik untuk anak-anak kita. Plak TASKA Berdaftar ini adalah satu pengiktirafan terhadap komitmen anda dalam menyediakan persekitaran yang selamat dan kondusif bagi kanak-kanak.

PENGHARGAAN DAN PENUTUP

9. Sebagai penutup, marilah kita berganding bahu memastikan setiap TASKA di Malaysia mencapai tahap kualiti terbaik demi masa depan anak-anak kita. Tanggungjawab ini adalah amanah bersama. Dengan usaha berterusan, kita mampu menyediakan permulaan kehidupan yang terbaik untuk generasi akan datang.

10. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya merasmikan
Majlis Penyampaian Plak TASKA Berdaftar pada hari ini.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

10 Februari 2024